

30 SEP 2001

Najib-Islam

DUNIA IKTIRAF MALAYSIA SEBAGAI NEGARA ISLAM, KATA NAJIB

PEKAN, 30 Sept (Bernama) -- Malaysia sememangnya diiktiraf sebagai sebuah negara Islam dan pengesahan mengenainya boleh diperolehi daripada ulama-ulama tersohor antarabangsa, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

"Mereka sememangnya menyanjung Malaysia sebagai model negara Islam yang mereka kira sangat baik sekali," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan Minggu Belia daerah Pekan di sini.

Beliau berkata kini terpulang kepada pemimpin PAS yang sekarang ini berdolak dalik dan masih dalam kesamaran mengenai perbezaan negara Islam menurut pandangan mereka (PAS) dan negara Islam yang mengikut tafsiran Umno.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara terbuka menyahut cabaran Presiden PAS Datuk Fadzil Noor dengan menegaskan bahawa Malaysia merupakan negara Islam yang selari dengan ajaran Islam.

Najib berkata kenyataan Dr Mahathir itu amat tepat sekali memandangkan Malaysia kini merupakan sebuah negara Islam yang berdaulat.

"Malaysia ialah sebuah negara Islam yang berasaskan ciri-ciri negara Islam yang toleran, progresif dan mengamalkan prinsip Islam secara syumul dan menolak fahaman yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti sikap pelampau serta menggunakan kekerasan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata perbincangan sudah diadakan di peringkat pegawai kementerian berkenaan dan Kementerian Pertanian bagi mewujudkan program pertanian moden yang membabitkan pesara tentera.

Katanya, melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran, calon-calon yang sesuai akan dikenalpasti untuk menyertai program latihan bagi membolehkan mereka muncul sebagai petani moden yang berjaya.

Beliau menjangkakan program itu akan dapat dilancarkan selepas calon-calon yang dikenalpasti selesai mengikuti program latihan yang akan disediakan Kementerian Pertanian.

Semalam, Menteri Pertanian Datuk Effendi Norwawi dilaporkan berkata kementerian sedang merangka satu program khusus bagi membuka ruang lebih luas kepada pesara tentera menyertai projek pertanian moden, khususnya membabitkan industri teknologi pengeluaran makanan di negara ini.

-- BERNAMA

ROS RON